

# KUTKM tawar kursus teknikal

Archival News | Berita Harian | 15/08/2002 | Author: Mohd Azrone Sarabatin

PENUBUHAN Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) membuka peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal pada peringkat diploma dan ijazah sarjana muda.

Ketika ini, KUTKM menawarkan 16 kursus peringkat ijazah pertama menerusi lima fakultinya. Universiti awam ke-14 di Malaysia itu juga mempunyai dua pusat kecemerlangan akademik.

Lima fakulti itu ialah Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Dua pusat kecemerlangan akademik ialah Pusat Perkhidmatan Akademik dan Pusat Universiti Industri. Seperti IPTA lain, kemasukan pelajar ke KUTKM adalah pada setiap bulan Mei.

Syarat kemasukan pelajar bagi program ijazah pertama ialah Sijil Politeknik atau kemahiran setaraf dengannya, Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Peringkat diploma pula ialah SPM dan Sijil Politeknik.

Kesemua kursus yang ditawarkan memberi fokus kepada bidang teknikal membabitkan program pengajian dalam sektor kejuruteraan dan ICT.

Kursus yang ditawarkan ialah kejuruteraan elektronik (elektronik industri), kejuruteraan elektrik (kuasa industri), kejuruteraan mekanikal (thermal-bendalir) dan kejuruteraan pembuatan (proses dan sistem pembuatan).

Dalam bidang ICT pula membabitkan pembangunan perisian; media interaktif dan rangkaian komputer; kejuruteraan elektronik; kejuruteraan komputer dan elektromekanikal; kejuruteraan mekanikal (struktur dan bahan) dan kejuruteraan pembuatan.

Kolej universiti yang mengambil pelajar pertamanya pada Jun tahun lalu itu, kini mempunyai lapan tenaga pengajar bertaraf profesor dan profesor madya (empat).

Dalam tempoh terdekat ini, ia akan menawarkan kursus peringkat diploma membabitkan lima bidang, iaitu kejuruteraan elektronik, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan pembuatan dan ICT.

Kursus yang ditawarkan KUTKM mempunyai kelainan kerana ia dijalankan secara 'hands on' dan pelajarannya mempunyai peluang kerjaya yang cerah apabila tamat pengajian nanti kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran.

Semua kursus yang ditawarkan mempunyai kaitan dengan industri hari ini. Keadaan itu memberi ruang yang terbuka luas kepada graduannya untuk menceburi sektor pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

KUTKM yang beroperasi di Melaka ketika ini menggunakan kampus sementara yang terletak di Ayer Keroh dan dijangka berpindah ke kampus tetap di Mukim Durian Tunggal, Alor Gajah pada pertengahan 2004. Kampus tetap mampu menampung pelajar dengan kapasiti 15 000 orang.

Pada masa ini, KUTKM adalah satu-satunya IPTA di negara ini yang mendokong dan melaksanakan pendidikan tinggi teknikal secara 'hands-on' dengan memberi keutamaan kemasukan kepada pelajar daripada aliran teknik dan kemahiran.

Ini bertepatan dengan matlamat penubuhannya iaitu memenuhi keperluan industri masa depan yang bukan saja mempunyai pengetahuan akademik yang mantap tetapi juga memiliki ketrampilan dan kemahiran teknikal tinggi.

Visi KUTKM ialah menjadi sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

Dari segi misi pula, melahirkan tenaga profesional bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan. Ia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi berkaitan perkongsian pintar universiti industri.

Bagi memantapkan operasinya, universiti itu menjalinkan kerjasama dengan pihak industri menerusi panel pembangunan kurikulum dan kursus, panel pengajar, makmal/peralatan tajaan industri, program latihan industri, program penyelidikan gunaan, program pemindahan teknologi dan perundingan, dan program pendidikan berterusan.

Sejajar kursus berteraskan 'hands-on' yang dipraktikkan, KUTKM bakal melahirkan graduan yang memiliki ciri berketrampilan dan berkemahiran teknikal yang tinggi, sesuai dan relevan dengan keperluan industri dan memerlukan masa kerja yang pendek.

Selain itu, fleksibel dan boleh mengubah suai pengetahuan teori kepada gunaan atau amalan, terlatih dengan keseimbangan antara aspek kemahiran dan teori yang menjurus kepada gunaan, dan inovatif serta penyelesaian masalah yang kreatif.

(END) Source : Berita Harian